

**PENGURUSAN ASET-LIABILITI: SOROTAN
PERBANDINGAN ANTARA PERBANKAN ISLAM
DAN KONVENSIONAL DI MALAYSIA**

**Mohamad Zaim Ismail^{1*}, Mohammad Taqiuddin Mohamad², Ahmad
Azam Sulaiman @ Mohamad³, Norazah Mohd Suki⁴**

*¹ Department of Syariah and Economics, Academy of Islamic Studies, Universiti
Malaya*

*² Department of Syariah and Economics, Academy of Islamic Studies, Universiti
Malaya*

*³ Department of Syariah and Economics, Academy of Islamic Studies, Universiti
Malaya*

⁴ Labuan Faculty of International Finance, Universiti Malaysia Sabah

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk memahami dengan lebih jelas perbandingan pengurusan aset-liabiliti antara perbankan Islam dan konvensional. Objektif di dalam kajian ini adalah bertujuan membandingkan pengurusan aset dan liabiliti berkonsepkan Islam dan konvensional di Malaysia. Di dalam kajian ini juga, pengkaji turut memperjelaskan beberapa indikator penting untuk dijadikan sebagai perbandingan antara bank-bank Islam dan bank-bank konvensional. Antara indikator-indikator penting yang turut dimuatkan dalam kajian ini adalah asas penjanaaan keuntungan, pengurusan produk, nisbah kecairan, nisbah kecekapan serta risiko dalam perbankan. Hasil kajian yang diperoleh daripada kajian ini ialah bank-bank Islam kurang tertedah kepada risiko-risiko di dalam perbankan terutamanya ketika berlakunya krisis kewangan global dan sebagainya.

Kata Kunci: Perbankan Islam, Perbankan Konvensional, Pengurusan Aset-Liabiliti.

Pengkaji penghubung*: Mohamad Zaim Ismail, Jabatan Syariah & Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. E-mail: areim89@gmail.com

Pengenalan

Pengurusan aset dan liabiliti atau *asset liability management* (ALM) dalam sesebuah bank tidak kira sama ada bank tersebut berkonsepkan Islam mahupun konvensional merupakan suatu rangka pengurusan risiko dalam sesebuah bank yang amat signifikan. Pengurusan aset-liabiliti yang sistematik dan pelaksanaan yang konsisten dan cemerlang akan menentukan kelangsungan masa hadapannya. Hal ini berlaku terutamanya apabila sesebuah bank berdepan dengan sebarang keadaan luar jangka secara tiba-tiba (Abdul Hadi, J., 2014).

Pada asasnya, pengurusan aset dan liabiliti ini melibatkan dua komponen utama, iaitu penjanaan dan penggunaan dana. Secara lebih khusus lagi, pengurusan ini melibatkan perancangan strategik, pelaksanaan, proses mengawal yang mempengaruhi jumlah aset dan liabiliti, tempoh kematangan, kadar sensitiviti, keuntungan, kualiti aset, kecairan aset, dan liabiliti bank (Abdul Hadi, J., 2014). Matlamat utama pengurusan aset dan liabiliti ini bermatlamat menghasilkan kualiti dan aliran keluar masuk dana yang stabil serta meningkatkan pendapatan daripada faedah bersih (Kamus Kewangan, t.t). Hal ini dapat dicapai melalui kombinasi aset, liabiliti, dan risiko kewangan pada tahap yang optimum.

Timbulnya risiko dalam aset dan liabiliti sesebuah bank lazimnya disebabkan oleh wujudnya perbezaan dari segi tempoh kematangan dan terma portfolio antara aset dan liabilitinya. Secara teorinya, bank-bank Islam harus terdedah secara minimum kepada ketidakpadanan aset dan liabiliti. Oleh itu, risikonya lebih kepada tempoh pegangan ekuiti berbanding bank-bank konvensional (Abdul Hadi, J., 2014). Dalam pengurusan aset dan liabiliti ini, bagi sesebuah bank yang berkonsepkan Islam atau konvensional, kedua-duanya mempunyai perbezaan dari segi teknik yang digunakan untuk menguruskan aset dan liabiliti sesebuah bank. Hakikatnya, prinsip, kerangka, petunjuk risiko, dan metodologi risiko yang digunakan dalam kedua-dua jenis institusi perbankan adalah sama. Namun begitu, terdapat beberapa perbezaan antara kedua-dua konsep ini seperti asas penjanaan keuntungan, falsafah dan etika, objektif, fungsi, sumber pendapatan dan aplikasi, motif pelanggan, dan pengurusan produk. Huraian perbezaan antara pengurusan aset dan liabiliti berasaskan Islam dan konvensional adalah seperti yang berikut:

Sorotan Kajian Lepas

Dalam menghasilkan kajian seperti ini, sorotan dan ulasan kajian-kajian lepas amat penting dalam melihat sejauh mana pengkajian mengenai pengurusan aset dan liabiliti dalam perbankan Islam dilakukan. Ulasan kajian ini merangkumi laporan kajian ilmiah, tesis, disertasi, makalah jurnal, buku akademik, dan sebagainya. Ulasan perlu memfokuskan aspek persamaan dan perbezaan (Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2012).

Nor Hayati Ahmad dan Shahrul Nizam Ahmad (2004) mengkaji perihal pengurusan aset dan liabiliti. Namun begitu, beliau didapati lebih memfokuskan risiko kredit perbankan Islam dan konvensional di Malaysia dengan menggunakan kaedah penganggaran biasa. Dapatan kajian daripada kajian lepas ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara purata risiko kredit perbankan Islam dan perbankan konvensional.

Kajian lepas ini juga mendapati bahawa kecekapan pengurusan, aset berwajaran berisiko, dan saiz aset mempunyai pengaruh ke atas risiko kredit perbankan Islam, manakala risiko kredit perbankan konvensional dipengaruhi oleh pinjaman yang terdedah kepada sektor yang berisiko, peraturan modal, peruntukan kerugian pembiayaan, dan aset berwajaran risiko ke atas risiko kredit. Selain itu, terdapat juga kajian lain yang mengkaji perihal model, iaitu *linear programming* (LP) yang dinamik bagi pengurusan aset dan liabiliti. Kajian ini dilakukan oleh ManMohan S. Sodhi (2005) di mana kaedah kajian yang digunakan dalam kajian lepas ini ialah data panel tahunan bagi bank-bank perdagangan yang terpilih dalam tempoh antara tahun 1998 hingga 2003. Dapatan kajian daripada kajian lepas ini menunjukkan bahawa pengurusan aset dan liabiliti bagi sesebuah bank sangat penting dengan cara membuat penstrukturan dan strategi yang betul. Kajian lepas ini juga mendapati bahawa setiap risiko bank yang berlaku perlu ditangani dengan menggunakan kaedah dan proses penganalisisan yang sesuai bagi mendapatkan keuntungan yang maksimum.

Bagi pengkaji seperti B. Charumathi (2008) pula, pengkaji ini mengkaji perihal pengurusan aset dan liabiliti dalam industri perbankan di India. Kajian lepas ini memfokuskan kaedah yang digunakan dalam merujuk risiko kadar faedah di ICICI Bank. Kaedah kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah data panel (gabungan data siri masa dan keratan rentas). Data ini diperolehi melalui perbincangan peribadi bersama kakitangan bank bagi mengetahui amalan sebenar pengurusan aset dan liabiliti di ICICI Bank. Data kajian untuk kajian lepas ini juga diperolehi daripada laporan tahunan ICICI Bank dari tempoh antara tahun 2004 hingga 2007. Pada masa yang sama, pengkaji lepas didapati turut menggunakan teknik analisis jurang dalam mengukur risiko kadar faedah di ICICI Bank. Andaian-andaian seperti pengenalan negatif dan positif kejutan kadar faedah (*interest rate shock*), pengimbangan portfolio (*portfolio adjustment*), dan imbalan kaunter kumpulan pasaran (*counter balancing market force*) turut dikemukakan yang bertujuan untuk mengesan risiko kadar faedah sesebuah bank. Dapatan kajian daripada kajian lepas ini menunjukkan bahawa pada tahun 2004 hingga tahun 2005, pendapatan bersih bagi ICICI Bank adalah positif dan pada tahun 2005 hingga 2006 mencatatkan keputusan yang positif juga. Pada tahun 2006 hingga 2007 pula berlaku turun naik dalam pendapatan bersih di ICICI Bank. Pengkaji lepas ini didapati membuat kesimpulan bahawa bank-bank perlu menggunakan maklumat mengenai risiko ini sebagai input penting dalam strategi dan perancangan perniagaan. Walaupun berlaku peningkatan pada saiz kunci kira-kira tetapi tahap ketidakpadanan aset liabiliti berlaku sekiranya disimpan tanpa menggunakannya. Hal ini juga akan menyebabkan turun naik dalam pendapatan sesebuah bank. Akhirnya, pengkaji lepas ini mendapati bahawa ICICI Bank terdedah kepada risiko kadar faedah. Sementara itu, terdapat juga pengkaji lain yang turut menjalankan kajiannya di negara China. Pengkaji seperti Xi Yang, Jacek Gondzio dan Andreas Grothey (2009) pula mengkaji perihal pemodelan pengurusan aset dan liabiliti serta kawalan risiko dalam institusi perbankan di China. Kaedah kajian yang digunakan dalam kajian lepas ini melibatkan portfolio pengimbangan semula dan juga ketidakpastian bagi menganalisis pulangan pelaburan dan liabiliti masa hadapan. Dapatan kajian daripada kajian lepas ini menunjukkan bahawa pengkaji lepas dapat mengaplikasikan kaedah yang diklasifikasikan sebagai satu pendekatan pemodelan stokastik. Selain itu, pendekatan stokastik ini juga digunakan bagi mengukur kawalan risiko penyusutan. Tambahan pula, kekangan penguasaan stokastik ini berlaku disebabkan oleh suatu tingkat harga. Tingkat harga ini akan merumitkan struktur program stokastik asas. Kekangan yang berpunca daripada suatu

tingkat harga ini menjadikan hubungan antara pemboleh ubah dengan suatu keadaan menjadi berbeza walaupun dalam waktu yang sama. Satu kaedah titik dalaman struktur-mengeksploitasi digunakan dalam menyelesaikan masalah ini. Titik dalaman ini yang mengkhususkan penyelesaian seperti OOPS yang boleh dilaksanakan dengan cekap terhadap masalah yang timbul itu dan lebih baik daripada penyelesaian komersial seperti CPLEX.

Selain itu, Cornel Nicolae Jucan (2009) dalam kajiannya turut mengkaji perihal strategi yang digunakan dalam pengurusan aset dan liabiliti dalam institusi perbankan. Kaedah kajian yang digunakan dalam kajian lepas ini ialah kaedah kualitatif dengan menghimpunkan kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan strategi-strategi dalam pengurusan aset dan liabiliti dalam institusi perbankan. Proses penganalisan data merangkumi tiga kaedah, iaitu kaedah induktif, kaedah deduktif, dan kaedah komparatif. Dapatan kajian daripada kajian lepas ini menunjukkan bahawa pengkaji lepas ada menerangkan perihal beberapa strategi penting dalam pengurusan aset dan liabiliti. Strategi yang pertama ialah operasi-operasi di bawah kunci kira-kira yang jelas memperlihatkan bahawa institusi perbankan perlu memahami setiap item yang ada pada kunci kira-kira tersebut. Yang kedua ialah perkara-perkara yang tidak penting dalam kunci kira-kira yang tidak membantu dalam meningkatkan pendapatan sesebuah bank, manakala yang ketiga pula ialah kepadanan dalam aset dan liabiliti.

Antara kajian-kajian lepas yang lain ialah kajian yang dijalankan oleh Manoj Kumar Jain, A. K. Dalela, dan Sandeep Kumar Tiwari (2010) yang mengkaji perihal aplikasi model matematik *Fuzzy* dalam pengurusan aset dan liabiliti. Kaedah kajian yang digunakan dalam kajian lepas ini adalah dengan cara menggunakan model matematik *Fuzzy* dan para pengkaji lepas juga didapati ada menjelaskan perihal keterdedahan risiko-risiko dalam melaksanakan pengurusan aset dan liabiliti. Dapatan kajian daripada kajian lepas ini juga menunjukkan bahawa keterdedahan risiko-risiko dalam pengurusan aset dan liabiliti perlu diuruskan dengan menggunakan kesesuaian strategi dalam pengurusan perbankan. Keterlibatan pihak berwajib dalam menjalankan pemantauan terhadap pengurusan risiko-risiko ini perlu dilakukan dari semasa ke semasa. Hal ini juga berbeza dengan pengkaji seperti Tamiru Belete (2013) yang mengkaji perihal pengurusan aset dan liabiliti serta keuntungan bank-bank perdagangan di Ethiopia. Kaedah kajian yang digunakan dalam kajian lepas ini ialah data panel (gabungan data keratan rentas dan siri masa). Data ini diperolehi daripada Bank Negara Mesir bagi tempoh antara tahun 2005 hingga 2010 dengan memilih bank-bank perdagangan yang tertentu. Dalam kajian lepas ini juga, pengkaji lepas didapati ada menggunakan model SCA bagi menganggarkan keuntungan yang diukur dengan menggunakan ROA sebagai fungsi kunci kira-kira dan menjadi pemboleh ubah spesifikasi bank dalam model tersebut. Bagi proses penganalisan data, pengkaji lepas didapati menggunakan kaedah regresi penganggaran model dengan membuat hipotesis awal dengan kenyataan bahawa kadar pulangan ke atas pendapatan aset adalah positif dan keadaan ini berbeza-beza mengikut setiap keseluruhan aset. Pada masa yang sama, kadar kos pada liabiliti adalah negatif dan berbeza pada keseluruhan liabiliti. Dapatan kajian daripada kajian lepas ini jelas menunjukkan bahawa semua aset kecuali aset tetap yang terdiri daripada pinjaman dan wang pendahuluan memberi keuntungan secara positif, manakala kesemua liabiliti terutamanya penjimatan dan simpanan tetap mempunyai kesan yang negatif kepada keuntungan bank-bank perdagangan. Berhubung dengan pemboleh ubah makroekonomi, kadar pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) mempunyai kesan yang negatif ke atas keuntungan bank-bank perdagangan. Kesannya, bank-bank

perdagangan perlu memberi perhatian dalam meningkatkan kesedaran orang ramai bagi memastikan penjimatan dan deposit tetap ini terus kukuh dalam meningkatkan prestasi sesebuah bank dalam memperuntukkan pinjaman dan wang pendahuluan kepada pihak pelanggan.

Metodologi Kajian

Dalam kajian ini, terdapat beberapa metode ataupun kaedah yang digunakan bagi mencapai objektif kajian. Pertamanya, pengkaji akan mengumpulkan beberapa maklumat terlebih dahulu sebelum dianalisis bagi memperoleh hasil kajian yang dikehendaki. Selain itu, metodologi penyelidikan ini juga turut dijadikan sebagai panduan dalam melaksanakan sesuatu kajian. Kaedahnya adalah dengan menentukan jenis data yang hendak dikumpul, ditentukan alat yang digunakan, dari manakah data diperoleh, berapa banyak yang diperlukan, bagaimana data dipersembahkan dan sebagainya (Azizi Yahaya et al., 2006). Maka, metode yang digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini akan dibahagikan kepada dua metode yang utama iaitu:

- I. Metode Pengumpulan Data
- II. Metode Analisis Data

- 1. Metode Pengumpulan Data

Secara dasarnya, setiap penyelidikan yang dijalankan adalah untuk menyelesaikan setiap kajian yang dijalankan. Setiap data akan dikumpul mengikut kaedah yang berbeza. Metode pengumpulan data ini digunakan adalah untuk mendapatkan hasil yang kukuh, berkualiti dan memuaskan. Dalam metode pengumpulan data ini juga, pengkaji membahagikannya kepada dua kaedah penyelidikan iaitu:

- i. Penyelidikan Secara Lapangan
- ii. Penyelidikan Secara Perpustakaan

- I. Penyelidikan Secara Lapangan

Penyelidikan Secara Lapangan ini amat penting dalam menjalankan setiap kajian. Hal ini juga bermakna setiap penyelidikan dijalankan secara langsung ke atas perkara yang dikaji. Dalam kajian ini, pengkaji secara langsung menemu bual bersama pegawai eksekutif ataupun pegawai lain yang layak untuk mendapatkan maklumat yang tepat yang berkaitan dengan kajian yang dijalankan. Temu bual ini juga penting kerana dapat membantu setiap permasalahan kajian yang berlaku.

- II. Penyelidikan Secara Perpustakaan

Penyelidikan Secara Perpustakaan ini turut penting dalam menyelesaikan setiap kajian yang dijalankan. Penyelidikan seperti ini dapat membantu pengkaji bagi mendapatkan maklumat yang berkaitan tidak kira dalam bahasa Melayu, bahasa Inggeris mahupun bahasa Arab. Antara rujukan-rujukan yang pengkaji bagi membantu menyelesaikan tugas ialah seperti jurnal-jurnal, buku-buku yang berkaitan dengan perbankan dan kewangan, akhbar-akhbar, kertas seminar dan persidangan dan juga bahan yang tidak diterbitkan seperti tesis dan sebagainya.

Penyelidikan Secara Perpustakaan ini juga membantu pengkaji dalam menganalisis terhadap bahan-bahan kajian yang terdapat di dalam perpustakaan.

Metode Analisis Data

Dalam analisis data ini, pengkaji akan menggunakan kaedah bagaimana pengolahan data dilakukan supaya dapat disesuaikan dengan objektif kajian yang dijalankan. Selepas data dapat dikumpul, pengkaji akan menggunakan kaedah yang sesuai untuk menganalisis data. Kaedah ini terbahagi kepada tiga iaitu:

a) Metode Induktif

Pendekatan ini digunakan dengan mempelajari suatu gejala khusus untuk mendapatkan kesimpulan yang lebih luas dan bersifat umum (Bagja, W., 2007). Sebagai contoh, pengkaji akan membuat kesimpulan mengikut perspektif pengkaji tentang aplikasi dan amalan pengurusan aset-liabiliti berdasarkan maklumat yang diperoleh setelah dianalisis dengan baik serta meneliti pendapat sarjana-sarjana dari institusi yang berautoriti tentang kajian yang dijalankan.

b) Metode Deduktif

Metode ini merupakan satu kaedah memperoleh pengetahuan dengan membuat kenyataan yang umum tentang sesuatu fenomena dan disusuli dengan pernyataan khusus. Sebagai contoh, pengkaji menjadikan bank-bank Islam dan bank-bank konvensional sebagai satu sampel kajian. Di dalam bank-bank Islam dan konvensional, bank-bank ini mempunyai amalan dan operasi yang tersendiri. Maka kajian ini akan menjadi lebih mudah untuk dikaji setelah pengkhususan dilakukan.

c) Metode Komparatif

Metode ini digunakan khususnya untuk membuat kesimpulan dengan melakukan perbandingan terhadap maklumat yang diperoleh. Di dalam kajian ini, pengkaji akan membuat perbandingan pengurusan aset-liabiliti bank-bank Islam dan juga bank-bank konvensional.

Hasil Kajian

Seperti yang disebutkan pada awal kajian ini, perbandingan pengurusan aset-liabiliti antara bank-bank Islam dan konvensional akan merangkumi beberapa aspek seperti asas penjanaaan keuntungan, pengurusan produk, nisbah kecairan, nisbah kecukupan serta risiko dalam perbankan.

i. Asas Penjanaaan Keuntungan

Pada dasarnya, sistem perbankan menjalankan aktiviti urus niaga kewangan yang berasaskan amalan faedah, baik bagi pihak pendeposit mahupun pihak peminjam. Menerusi aktiviti ini, institusi perbankan akan mendapat keuntungan dan mampu

meneruskan operasi perniagaannya (Jerome, D. Braverman, 1984). Bank-bank menggunakan dana yang terkumpul daripada para pendeposit dengan perjanjian membayar faedah kepada mereka. Dalam hal ini, institusi perbankan berperanan menggalakkan pengumpulan dana tabungan dan menarik minat masyarakat untuk menyimpan wang di bank. Penciptaan pinjaman merupakan aktiviti bank yang paling penting dan disebabkan oleh adanya konsep pinjaman ini, maka akan wujud institusi perbankan (Leong, T. P., 1998).

Untung bank dalam konteks ini ialah perbezaan antara faedah yang dikenakan ke atas peminjam dan faedah yang dibayar ke atas pendeposit, malah inilah amalan, ciri, dan inti pati perniagaan dalam industri perbankan pada masa ini (Saiful Azhar, R., 1996). Dalam hal ini, kunci kira-kira bagi bank-bank yang berkonsepkan konvensional pada bahagian aset terdiri daripada rizab berkanun, pinjaman, bon, dan tunai. Bahagian liabiliti pula terdiri daripada deposit permintaan, deposit simpanan, deposit tetap, dan sijil deposit. Hal ini dapat digambarkan menerusi jadual yang berikut:

Jadual 1. Asas Kunci Kira-Kira Perbankan Konvensional

| Keuntungan = Faedah ke atas pinjaman - faedah ke atas deposit | | |
|--|--|--|
| Aset | | Liabiliti |
| <ul style="list-style-type: none"> ▪ Rizab Berkanun ▪ Pinjaman ▪ Bon ▪ Tunai | | <ul style="list-style-type: none"> ▪ Deposit Permintaan ▪ Deposit Simpanan ▪ Deposit Tetap ▪ Sijil Deposit |

Sumber: Mohamed Hashem Rashwan, (2010), "A Comparison between Islamic and Traditional Banks: Pre and Post the 2008 Financial Crisis," *Social Science Research Network*, 1-14.

Walaupun sistem perbankan konvensional telah mencapai status yang mampan lagi stabil dengan menawarkan perkhidmatan yang cekap dengan kemudahan yang termoden dan canggih tetapi masih terdapat beberapa perkara dasar yang masih dipertikaikan khususnya dalam pemberian dan penganan faedah terhadap penggunaan wang secara produktif (Mohamad Zaim, 2015). Menurut Islam, faedah (riba) merupakan untung yang diperolehi daripada pinjaman wang dan diharamkan kerana keuntungan seperti ini tidak melibatkan sebarang risiko pasaran, iaitu risiko kegagalan firma mempertahankan daya saing yang ternyata tidak berupaya menanggung kestabilan dan pertumbuhan pendapatannya (Saiful Azhar, R., 1995).

Islam melihat riba sebagai satu bentuk penindasan di samping hanya memberikan keutamaan kepada individu tanpa memberikan perhatian kepada keperluan masyarakat sedangkan amat jelas Islam mengutamakan kepentingan masyarakat lebih daripada kepentingan individu (Mohd. Bakir, M., 1998). Pada dasarnya, institusi perbankan Islam bermatlamat menyediakan sistem perbankan yang bersifat alternatif kepada institusi perbankan konvensional yang berasaskan amalan riba. Walaupun pada dasarnya, institusi perbankan Islam masih lagi menyusuri rentak institusi perbankan konvensional dalam konteks mencari keuntungan, namun masih terdapat beberapa tanggungjawab sosial yang perlu dipertahankan oleh institusi perbankan Islam (Quasim, M. Q., 1986). Keadaan ini jelas menunjukkan bahawa antara fungsi utama institusi perbankan Islam bukan sahaja bermotifkan keuntungan semata-mata, malah institusi perbankan Islam

mempunyai peranan yang luas dan komprehensif. Matlamat suci yang tersirat ialah penubuhan ekonomi Islam dan kemajuan masyarakat khususnya serta bermotifkan *al-falah*. Dalam operasi institusi perbankan Islam semasa, institusi perbankan Islam menawarkan kemudahan-kemudahan perbankan yang inovatif dan berdaya maju seperti perkongsian keuntungan dan kerugian (*al-Mudarabah*) (Mohamed Hashem Rashwan, 2010). Menurut Cheah Kooi Guan, prinsip *al-Mudarabah* bukan sekadar menggantikan riba tetapi lebih berkesan dan positif berbanding amalan riba yang jelas memperlihatkan bahawa unsur eksploitasi riba dan konfrontasi pihak defisit dan lebihan dapat dihapuskan, bahkan prinsip ini dapat memupuk penyertaan, kerjasama, dan muhibah antara kedua-dua belah pihak (Cheah, K. G., 1997). Keuntungan ini juga dapat dijelaskan dengan memperoleh hasil daripada aplikasi dana selepas ditolak dengan kos sumber dana dan ini dapat digambarkan menerusi rajah yang berikut:

Jadual 2. Asas Kunci Kira-Kira Perbankan Islam

| Keuntungan = Sumber Dana - Aplikasi Dana | | |
|--|--|---|
| Sumber Dana | | Aplikasi Dana |
| <ul style="list-style-type: none"> ▪ Akaun Semasa ▪ Akaun Simpanan ▪ Akaun Pelaburan Am (<i>al-Mudarabah</i>) ▪ Pelaburan Ekuiti ▪ Dana Pemegang Saham ▪ Akaun Pelaburan Khas | | <ul style="list-style-type: none"> ▪ Rizab Berkanun ▪ Keperluan Kecairan ▪ Pembiayaan (<i>al-Murabahah</i>, <i>al-Ijarah</i>, <i>al-Mudarabah</i>) dan Aset Pelaburan (<i>al-Mudarabah</i>), (<i>Musharakah</i>) |

Sumber: Diubah suai daripada Shamsudin Abdul Kadir, (1994) *Islamic Banking Practice from Practitioner's Perspective*. Kuala Lumpur: Bank Islam Malaysia, 46-47.

ii. Pengurusan Produk

Pelbagai produk ada ditawarkan oleh institusi perbankan konvensional yang bertujuan untuk menarik perhatian para pelanggan. Antara contoh produk yang ditawarkan ialah akaun semasa, akaun simpanan, dan simpanan tetap yang digunakan untuk mendapatkan dana. Hasil dana tersebut digunakan untuk pelaburan seperti pinjaman, bon kerajaan, dan pinjaman perdagangan yang lain (Saiful Azhar, R., 1996). Produk-produk yang ditawarkan melalui sistem perbankan Islam pula ternyata berbeza yang jelas memperlihatkan bahawa bank-bank Islam tidak menawarkan produk-produk yang bersifat kontrak berfaedah seperti yang ditawarkan oleh bank-bank konvensional. Hal ini disebabkan oleh bank-bank Islam menawarkan produk-produk yang bersifat perdagangan yang bersifat jual beli dan juga pelaburan. Antara contoh produk yang ditawarkan ialah *Wadiah* yang digunakan dalam akaun simpanan dan akaun semasa. Walau bagaimanapun, diandaikan bahawa simpanan yang dilakukan oleh pihak penyimpan akan dilaburkan dan selebihnya disimpan sebagai rizab berkanun. Dana *Wadiah Yad Amanah* ini apabila dilaburkan dalam produk *Murabahah*, *Bay' Bithaman Ajil*, *Mudarabah*, dan *Ijarah* dijangka akan mendapat keuntungan (Mohd Faisal, I., 2014). Selain itu, dalam konteks perbankan konvensional, untung diagihkan antara pihak bank dan juga penyimpan dalam bentuk faedah. Dalam konteks perbankan Islam

pula, hasil keuntungan yang diperoleh daripada pelaburan akan diagihkan antara pihak bank dan pihak penyimpan dalam bentuk hadiah atau *hibah* sebagai tanda penghargaan.

iii. Nisbah Kecairan

Dalam pengurusan aset-liabiliti berkonsepkan Islam dan konvensional, kedua-dua institusi perbankan ini mempunyai peranan yang sama dalam menguruskan semua jenis risiko seperti risiko kecairan, risiko operasi dan lain-lain. Biarpun kedua-dua institusi perbankan ini mempunyai peranan yang sama, namun terdapat perbezaan utama di antara kedua-dua institusi perbankan ini di mana pengurusan aset-liabiliti berkonsepkan Islam beroperasi mengikut peraturan prinsip-prinsip Islam dan syariah (Feryel, O., 2014). Pengurusan aset-liabiliti berkonsepkan Islam ini juga adalah berdasarkan kepada konsep keadilan, yang mana boleh dicapai melalui perkongsian risiko. Oleh itu, prinsip utama perbankan Islam ini ialah berkongsi keuntungan dan kerugian sebagai alternatif kepada sistem perbankan konvensional yang berasaskan riba. Dalam keadaan ini, banyak kajian yang menjelaskan bahawa prinsip-prinsip perkongsian untung rugi (*profit loss sharing*) boleh membantu untuk menjadi lebih stabil daripada sistem berasaskan riba yang mana institusi perbankan Islam ini mampu mengawal turun naik secara berlebihan terhadap kadar pulangan serta keterdedahan ketika berlakunya krisis kewangan (Seref, T., 1996).

Sehubungan dengan itu, nisbah kecairan turut memainkan peranan yang penting dalam membezakan antara pengurusan aset-liabiliti berkonsepkan Islam dan konvensional terutama ketika berlakunya krisis kewangan dunia. Menurut Muhammad Farhan Akhtar, Khizer Ali dan Shama Sadaqat (2011), pengkaji-pengkaji ini menjelaskan bahawa risiko kecairan mungkin timbul dari pelbagai operasi perbankan dan pihak institusi perbankan perlu bertanggungjawab sepenuhnya bagi memastikan kecairan ini sentiasa wujud sekiranya diperlukan oleh pihak ketiga (Mareyah, M., 2010). Maka bagi menghitung nisbah kecairan ini, formula yang diguna pakai dalam menggambarkan nisbah kecairan berkonsepkan Islam adalah seperti berikut:

$$\frac{\text{Pembiayaan Bersih Belum Terima}}{\text{Jumlah Aset}}$$

Bagi formula nisbah kecairan yang digunakan bagi institusi perbankan konvensional pula adalah seperti berikut:

$$\frac{\text{Pinjaman Bersih}}{\text{Jumlah Aset}}$$

Dalam nisbah kecairan ini, bank-bank Islam amat bergantung kepada deposit pelaburan dalam aktiviti pembiayaan yang mereka jalankan yang mana keadaan ini membawa kepada tahap yang tinggi terhadap nisbah kecairan berbanding dengan bank-bank konvensional. Ini adalah disebabkan oleh sifat institusi perbankan Islam itu sendiri di mana institusi perbankan Islam berhadapan dengan kekurangan bekalan dalam aktiviti pasaran wang dari perspektif pematuhan syariah. Selain itu, perbezaan antara institusi perbankan Islam dan konvensional dapat dilihat melalui margin pendapatan bersih daripada aktiviti pembiayaan institusi perbankan Islam yang mana melalui institusi perbankan Islam ini, aktiviti pembiayaan institusi perbankan Islam adalah lebih murah disebabkan deposit pelanggan dijadikan sebagai sumber pembiayaan berdasarkan prinsip perkongsian untung rugi (*profit loss sharing*) berbanding dengan bank-bank

konvensional yang bersumberkan dari saluran lain seperti pasaran wang dan aktiviti antara bank (Anjum, S., 2008).

Dalam pada itu, ketika berlakunya krisis kewangan dunia pada tahun 2007-2008, terdapat pengkaji seperti Feryel Ouerghi yang menjalankan kajian empirikalnya berkaitan perbandingan nisbah kecairan antara bank-bank Islam dan bank-bank konvensional. Hasil kajian mendapati bahawa ketika berlaku krisis kewangan dunia pada tahun 2007-2008, bank-bank Islam dan konvensional mencatatkan peningkatan terhadap nisbah kecairan. Namun, ketika pada tahun 2009-2010, bank-bank konvensional mencatatkan penurunan berbanding bank-bank Islam yang terus mencatatkan peningkatan pada tahun tersebut. Ini menunjukkan bahawa ketika berlakunya krisis kewangan, bank-bank Islam telah menukar sebahagian besar daripada deposit yang diperoleh kepada bentuk pembiayaan. Maka daripada tindakan ini, bank-bank Islam mendapat keuntungan daripada pembiayaan yang dijalankan biarpun keuntungan yang diperoleh tidaklah begitu tinggi. Berbeza dengan bank-bank konvensional di mana bank-bank konvensional terjejas berikutan sumber pinjaman yang diperoleh merupakan sumber yang berpunca dari pasaran wang dan aktiviti antara bank.

iv. Nisbah Kecekapan

Nisbah kecekapan merupakan satu ukuran kos bagi setiap operasi yang dijalankan oleh sesebuah bank. Nisbah ini juga dikenali sebagai peratusan daripada jumlah pendapatan. Dalam hal ini, setiap ukuran yang digunakan dengan menggunakan nisbah kecekapan akan menunjukkan bagaimana keberkesanan sesebuah bank itu menggunakan aset dan bagaimana sesebuah bank itu menguruskan liabilitinya. Oleh sebab itu, semakin rendah jumlah peratusan nisbah kecekapan ini, maka ia menunjukkan satu keputusan yang lebih baik (Dennis, O., 2008). Dalam pengurusan aset-liabiliti sesebuah bank ini, terdapat perbezaan nisbah kecekapan yang digunakan antara bank-bank Islam dan juga bank-bank konvensional. Pengkaji seperti Mufda Jameel Alrawashedh, Shamsul Rijal Muhammad Sabri dan Mohd Tahir Ismail (2014) menjelaskan bahawa setiap perbezaan tersebut merangkumi margin pendapatan bersih, nisbah kos kepada pendapatan dan juga pendapatan daripada aktiviti pembiayaan. Nisbah kecekapan bagi bank-bank Islam ini merangkumi margin pembiayaan bersih daripada aktiviti pembiayaan, nisbah kos kepada pendapatan dan juga pendapatan aktiviti pembiayaan terhadap aset. Bagi bank-bank konvensional pula, nisbah kecekapan ini merangkumi margin faedah bersih, nisbah kecekapan operasi dan juga pendapatan faedah daripada pinjaman.

Selain itu, terdapat juga pengkaji seperti Mareyah Mohammad Ahmad dan Dayanand Pandey (2010) yang turut menjelaskan mengenai perbezaan nisbah kecekapan antara bank-bank Islam dan juga bank-bank konvensional. Pengkaji-pengkaji ini menjelaskan bahawa bank-bank konvensional merupakan institusi perbankan yang lebih baik berbanding bank-bank Islam dari sudut penjanaan pendapatan faedah daripada aktiviti pinjaman yang dijalankan. Maka, daripada pendapatan faedah yang diperoleh ini, bank-bank konvensional akan menjadikan pendapatan faedah ini sebagai satu sumber pendapatan tambahan untuknya kerana bank-bank konvensional ini mampu mengurangkan penggunaan modal dengan hanya bergantung kepada pendapatan faedah daripada aktiviti pinjaman yang dijalankan. Walau bagaimanapun, hasil aktiviti yang dijalankan oleh bank-bank konvensional ini turut memberikan kesan negatif kepada bank-bank konvensional ini di mana bank-bank konvensional perlu menanggung kos dana pinjaman yang lebih tinggi berbanding dengan bank-bank Islam. Keputusan ini

turut menjejaskan margin faedah bersih (*net interest margin*, NIM) bagi bank-bank konvensional tersebut.

Berbeza dengan setiap operasi yang dijalankan oleh bank-bank Islam di mana bank-bank Islam ini memperoleh pendapatan bersih daripada setiap aktiviti pembiayaan yang dijalankan berdasarkan kontrak-kontrak syariah seperti *Mudarabah*, *Musharakah* dan lain-lain lagi (Mohamad Zaim, 2015). Setiap modal yang diperlukan oleh bank-bank Islam adalah hasil perkongsian antara pihak pendeposit dan juga pihak bank. Hasilnya, pihak bank Islam tidak perlu menanggung modal yang tinggi sehingga memberi kesan kepada margin pembiayaan bersih. Hasilnya, bank-bank Islam ini turut menjadi sebuah institusi perbankan yang lebih cekap berbanding bank-bank konvensional dalam menguruskan setiap aktiviti dan perbelanjaan pembiayaan yang terlibat.

v. Risiko Dalam Perbankan

Risiko dalam bahasa Arab disebut sebagai *mukhatir* atau *mukhatirah* atau *khatr*. *Mukhatir* atau *mukhatirah* merupakan lafaz yang lahir daripada perkataan *khatr*. *Khatr* menurut pandangan ahli-ahli bahasa bermaksud terdedah kepada kerosakan dan kebinasaan atau hampir kepada bahaya kerosakan, manakala menurut fuqaha pula, *khatr* digunakan bagi menggambarkan pelbagai maksud seperti perjudian ketidakpastian, dan ganti rugi. Walaupun perkataan *khatr* telah lama digunakan dalam perbualan seharian, namun pengertiannya sebagai risiko menurut konteks semasa merupakan suatu penambahan dalam bahasa Arab moden dan merupakan istilah teknikal yang baharu dalam disiplin kewangan.

Dalam perbankan Islam, pengurusan risiko menjadi lebih mencabar kerana keunikan sifat risikonya dan keperluan kepatuhan kepada prinsip Syariah. Walaupun inisiatif Basel III mengenai pengenalan risiko kredit, pasaran dan operasi boleh dilaksanakan dalam perbankan Islam, inisiatif ini perlulah dilengkapi dengan mengambil kira dimensi risiko lain yang wujud dalam urus niaga kewangan Islam. Infrastruktur pengurusan risiko dalam institusi kewangan Islam perlu mengenal pasti, membongkar, mengukur, mengawal dan memantau semua risiko khusus dalam urus niaga dan instrumen kewangan Islam. Ini adalah untuk memastikan bahawa sistem dan kawalan akan menjadi efektif dalam kuantifikasi dan pengurusan risiko yang timbul daripada operasi itu (Inwon, S., 2014).

Pada tahap yang tertentu, risiko-risiko dalam bank-bank Islam ini berbeza dengan risiko-risiko yang wujud dalam bank-bank konvensional. Perbezaan yang ketara antara kedua-dua perbankan ini timbul disebabkan oleh panduan undang-undang syariah yang digunakan oleh bank-bank Islam itu sendiri. Hal ini juga merangkumi undang-undang yang digunakan di dalam setiap urus niaga perbankan Islam serta setiap transaksi yang berlaku di dalam aset dan liabiliti (Bastiaan, V., 2008). Selain itu, pengawalseliaan kepada risiko asas memerlukan pendikotomian kerumitan risiko dalam portfolio aset perbankan Islam disebabkan kepelbagaian struktur pembiayaan Islam yang terdiri daripada aktiviti jualan berisiko rendah dan mod berasaskan pajakan sehinggalah kepada mod kewangan berasaskan ekuiti berisiko lebih tinggi.

Kerumitan memprofil risiko dalam perbankan Islam semakin bertambah kerana risiko

ini boleh berubah dari satu jenis ke jenis yang lain di pelbagai peringkat kontrak. Contohnya, dalam kontrak *Musharakah Mutanaqisah*, institusi kewangan Islam pada awalnya bertindak sebagai pemilik bersama aset, namun pemilikan aset akan berpindah sepenuhnya kepada pelanggan setelah tamat tempoh kontrak. Dalam hal ini, institusi kewangan Islam terdedah kepada risiko pasaran dan risiko terjejas, yang lebih tinggi di peringkat awal urus niaga berbanding dengan pendedahan di peringkat akhir kontrak. Pada masa yang sama, jumlah pembayaran balik oleh pelanggan merupakan risiko kredit kepada institusi kewangan Islam. Memandangkan setiap satu daripada bahagian urus niaga ini mempunyai sifat intrinsik yang tersendiri, maka secara tuntasnya urus niaga ini melibatkan tahap risiko kredit, pasaran dan operasi yang berlainan. Di samping itu, di dalam institusi kewangan Islam, setiap amalan dan operasi yang dijalankan bersifat menyerap dan mengurangkan risiko melalui perkongsian untung dan rugi (*profit loss sharing*) kerana kedua-dua pihak akan menanggung kerugian secara bersama dan memperoleh untung mengikut persetujuan (Mohd Yusri, H., 2013). Berbeza dengan setiap amalan dan operasi yang dilaksanakan oleh institusi kewangan konvensional, yang mana institusi ini hanya meletakkan setiap tanggungan kerugian hanya kepada sebelah pihak sahaja, malah di dalam institusi kewangan konvensional sendiri mengandungi unsur ketidakpastian dan spekulasi dalam pinjaman yang ditawarkan (Don, G., 1995).

Selain itu, terdapat pengkaji seperti Abdus Samad dan M. Kabir Hassan (2000) yang membuat perbandingan mengenai pengurusan risiko antara bank-bank Islam dan bank-bank konvensional. Di dalam kajiannya, pengkaji-pengkaji ini menjelaskan bahawa prestasi pengurusan risiko dalam pelaburan yang berisiko oleh Bank Islam bagi tempoh 1984-1997 diukur melalui nisbah hutang-modal (*debt-equity ratio*), nisbah hutang kepada jumlah aset, dan hasil berganda (*earning multiplier*) yang semakin meningkat setiap tahun. Dengan perbandingan antara dua bank konvensional, iaitu Bank Pertanian dan Perwira Affin Bank serta Bank Islam, hasil kajian mendapati bahawa pendekatan kepada risiko yang lebih kecil berlaku di dalam Bank Islam berbanding Bank Pertanian dan Perwira Affin Bank ini. Hal ini juga disebabkan oleh pelaburan yang dilakukan oleh Bank Islam begitu banyak di dalam sekuriti kerajaan berbanding pelaburan yang dilakukan oleh Bank Pertanian dan Perwira Affin Bank

Rujukan

- Abdul Hadi, J. (2014). Asset Liability Management for Conventional and Islamic Banks Seminar Future Bankers Program, Seminar Room, Kolej Dar al-Hikmah, Sungai Ramal Dalam, Kajang, Selangor, 26 April 2014.
- Abdus, S., dan M. Kabir, H. (2000). The Performance of Malaysian Islamic Bank during 1984-1999: An Exploratory Study. *International Journal of Islamic Financial Services*, Vol. 1, No. 3.
- Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya. (2012). Panduan Penulisan Ilmiah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, ed. ke-3. Kuala Lumpur: Pejabat Ijazah Tinggi Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Anjum, S. (2008). Financial Contracts, Risk and Performance of Islamic Banking. *Managerial Finance*, Vol. 34, No. 10.
- Bastiaan, V., Somia, A., dan Werner, B. (2008). Islamic Finance and Supervision: An Exploratory Analysis. *DNB Occasional Studies*, Vol. 6, No. 3.
- B. Charumathi. (2008). Asset Liability Management in Indian Banking Industry-with Special Reference to Interest Rate Risk Management in ICICI Bank. Prosiding,

- Proceedings of the World Congress on Engineering 2008. No. 2, 2-4 Julai 2008. London, United Kingdom.
- Cheah, K. G. (1997). *Institusi-institusi Kewangan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Cornel, N. J. (2009). Strategies for the Management of the Bank's Assets and Liabilities. *AnnalesUniversitatis Apulensis Series Oeconomica*, Vol. 1, No. 1.
- Dennis, O., dan Taisier, A. Z. (2008). Using Accounting Ratios to Distinguish between Islamic and Conventional Banks in the GCC Region. *The International Journal of Accounting*, Vol. 43, No. 1.
- Don, G. (1995). Uncertainty, Competition, and Speculative Finance in the Eighties. *Journal of Economic Issues*.
- Emira, K., Senija, N., dan Mirnesa, B. N. (2013). Comparative Analysis of Risk Management in Conventional and Islamic Banks: The Case of Bosnia and Herzegovina. *International Business Research*, Vol. 6, No. 5.
- Feryel, O. (2014). Are Islamic Banks more Resilient to Global Financial Crisis than Conventional Banks?. *Asian Economic and Financial Review*, Vol. 4, No. 7.
- Inwon, S., dan Carel, O. (2014). Islamic Banking Regulation and Supervision: Survey Results and Challenges. *International Monetary Fund Working Paper*, No. 14/220.
- Jerome, D. B. (1984). *Maximizing Profit in Small and Medium-Sized Businesses*. New York: Van Nostrand Reinhold Company Incorporation.
- Leong, T. P. (1998). *The Business of Banking in Malaysia*. Petaling Jaya: Pelanduk Publications.
- ManMohan, S. S. (2005). LP Modeling for Asset-Liability Management: A Survey of Choices and Simplifications. *Operations Research*, Vol. 53, No. 2.
- Manoj, K. J., A, K. D., dan Sandeep, K. T. (2010). Application of Fuzzy Mathematical Model in Assets-Liabilities. *International Journal of Trade, Economics and Finance*, Vol. 1, No. 3.
- Mareyah, M. A. dan Dayanand, P. (2010). Are Islamic Banks better Immunized than Conventional Banks in the Current Economic Crisis?. 10th Global Conference on Business & Economics, Rome, Italy, 15-16 October 2010.
- Mohamad Zaim, I., Anitha, R., Mohammad Taqiuddin, M., Nor Hanani, A. (2015). Perbankan Islam di Malaysia: Tinjauan Strategi Pengukuhannya. *Labuan e-Journal of Muamalat and Society*, Vol. 9.
- Mohamad Zaim, I., Joni Tamkin, B., Muhammad Ikhlas, R. (2015). Teori dan Amalan Pembiayaan Semula Perumahan di RHB Islamic Bank Berhad (RHBIBB). *Labuan e-Journal of Muamalat and Society*, Vol. 9.
- Mohamed Hashem, R. (2010). A Comparison between Islamic and Traditional Banks: Pre and Post the 2008 Financial Crisis. *Social Science Research Network*.
- Mohd Bakir, M. (1998). *Konsep Syariah dalam Sistem Perbankan Islam*. Kuala Lumpur: BIMB Institute of Research and Training.
- Mohd Faisol, I., Rosila, K. (2014). The Islamic Home Financing in Malaysia Istisna' Base on Debt: Qualitative Approach. *Labuan e-Journal of Muamalat and Society*, Vol. 8.
- Mohd Yusri, H., Aisyah, A. R. (2013). Pengamalan Pengurusan Risiko Kredit Serta Hubungan Terhadap Kesan Kecekapan di Institusi Perbankan dan Kewangan Malaysia. *Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VIII (PERKEM VIII)*, Johor Bharu, 7-9 Jun 2013.

- Mufda, J. A., Shamsul Rijal, M. S., dan Mohd Tahir, I. (2014). The Significant Financial Ratios of the Islamic and Conventional Banks in Malaysia Region. *Research Journal of Applied Sciences, Engineering and Technology*, Vol. 7, No. 14.
- Muhammad Farhan, A., Khizer, A., dan Shama, S. (2011). Liquidity Risk Management: A Comparative Study between Conventional and Islamic Banks of Pakistan. *Interdisciplinary Journal of Research in Business*, Vol. 1, No. 1.
- Nor Hayati, A dan Shahrul Nizam, A. (2004). Key Factors Influencing Credit Risk of Islamic Bank: A Malaysian Case. *Islamic Economics Studies*, Vol. 10, No. 2.
- Quasim, M. Q. (1986). Islamic Banking: New Opportunities for Cooperation between Western and Islamic Financial Institutions. London: Butterworths & Co. Ltd.
- Saiful Azhar, R. (1996). Sifat Kontrak dalam Perbankan Islam. Kuala Lumpur: Berita Publishing.
- Saiful Azhar, R. (1995). Status Laba dalam Perbankan Islam. Kuala Lumpur: Berita Publishing.
- Saiful Azhar, R. (1996). Pengurusan Produk Perbankan. Kuala Lumpur: Berita Publishing.
- Seref, T. (1996). Performance and Risk Analysis of the Islamic Banks: The Case of Bahrain Islamic Bank. *Journal of Islamic Economics*, No. 8.
- Temu bual bersama Abdul Hadi Jusoh, Pengurus Senior, Jabatan Pengurusan Risiko Pasaran dan Aset-Liabiliti, Bahagian Pengurusan Risiko, Export-Import Bank of Malaysia Berhad), dalam temu bual dengan penulis, 7 Mac 2014.
- Tamiru, B. (2013). Asset Liability Management and Commercial Banks Profitability in Ethiopia. *Research Journal of Finance and Accounting*, Vol. 4, No. 10.
- Xi, Y., Jacek, G., dan Andreas, G. (2009). Asset-Liability Management Modelling with Risk Control by Stochastic Dominance. *Mathematical Sciences*, Vol. 9, No. 2.